

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20/12/2012

## Tun M sentiasa relevan dahulu dan kini - PM

UM-20/12/12

KUALA LUMPUR 19 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang negarawan malar hijau atau 'evergreen' yang sentiasa relevan kepada negara, dahulu dan kini.

Perdana Menteri berkata, tokoh negarawan itu tidak perlu bersara daripada berfikir dan memberikan pandangan yang bernas.

Katanya, masyarakat dan peminat Dr. Mahathir tidak membenarkan beliau bersara daripada berfikir dan bersuara dan oleh itu, blog tulisannya mempunyai pengikut yang ramai dan buku memoirnya merupakan karya paling laris terjual.

"Pada saya, beliau bukan orang biasa. Beliau ialah seorang tokoh luar biasa, istimewa, disegani dan dikenali di seluruh dunia.

"Oleh itu, tiada kata seindah bahasa, tiada gambar secantik lukisan yang dengan tepat dapat mengungkap perasaan hormat kita kepada beliau," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yaacob dalam Malam Gala Tun Dr. Mahathir Legasi Tersohor sempena Konvensyen Pemikiran Tun Dr. Mahathir anjuran Majlis Profesor Negara (MPN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Majlis itu juga diadakan bagi meraikan sambutan ulang tahun kelahiran bekas Perdana Menteri itu yang ke-87 dan juga melancarkan Program Zamalah Ulung Tun Dr. Mahathir (MDFP).

Yang turut hadir isteri Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Pengerusi MPN, Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Zakri Abdul Hamid.

Mengulas lebih lanjut, Najib berkata, Dr. Mahathir telah lama bersara daripada memegang jawatan Perdana Menteri tetapi pemikiran beliau tidak luntur.

"Beliau dihormati bukan kerana kuasanya kerana tidak lagi berkuasa tetapi kerana pemikirannya.

"Ini membuktikan ketokohan beliau adalah malar hijau," ujarnya.

Sementara itu, Dr. Mahathir turut meminta semua pihak menghargai jasa semua bekas Perdana Menteri serta pegawai kerajaan yang telah banyak membantu beliau dalam memajukan negara semasa menjadi pemimpin negara.

"Ramai yang datang dari luar bertanyakan kepada saya bagaimana cara untuk maju macam Malaysia yang telah bertukar daripada sebuah negara pertanian kepada perindustrian dan saya kata semua ini adalah hasil usaha ramai pihak termasuk Perdana Menteri terdahulu," jelasnya.